

PM doakan Nik Aziz pulih segera

KUALA LUMPUR 22 Julai - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendoakan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pakar Perdana, di Kota Bharu hari ini kerana serangan jantung, pulih segera.

Abdullah juga mengarahkan supaya pakar jantung dari Kuala Lumpur diterbangkan ke Kota Bharu jika diperlukan untuk memberi rawatan perubatan terbaik kepada Nik Aziz.

"Saya berharap hospital itu akan juga memberikan rawatan terbaik kepada Yang Amat Berhormat Nik Aziz," kata Abdullah kepada *Bernama* menerusi telefon dari Paris.

Abdullah, yang sedang melakukan lawatan kerja ke Perancis berkata: "Saya baru dapat khabar bahawa beliau (Nik Aziz) diserang sakit jantung dan kini berada di Unit Rawatan Rapi."

Nik Aziz, 73, dilaporkan mengadu sakit dada pada pukul 6 pagi tadi dan terus dikejarkan ke hospital itu dengan ambulans dan dimasukkan ke ICU.

Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan dan Pembangunan Masyarakat Kelantan, Husam Musa berkata, pemeriksaan awal pakar perubatan hospital itu mendapati Nik Aziz perlu menjalani pembedahan koronari dalam tempoh terdekat ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Datuk Noh Omar pula berkata usaha sedang dibuat untuk membolehkan anak Nik Aziz, Nik Adli yang kini ditahan di kem Kamunting mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri, untuk menziarahnya, — *Bernama*.